

Anugerah Pemasaran Antarabangsa IFLA PressReader 2023 Mengiktiraf Sumbangan Inovatif kepada Pemasaran dalam Bidang Perpustakaan

Menangi €3,000 untuk kos perjalanan ke Kongres Perpustakaan dan Maklumat Dunia IFLA 2023! Seksyen Pengurusan dan Pemasaran IFLA berbesar hati untuk meneruskan kerjasama bersama PressReader dalam penganjuran Anugerah Pemasaran Antarabangsa IFLA PressReader 2023. Anugerah ini diberikan kepada perpustakaan yang melaksanakan projek atau kempen pemasaran yang kreatif, berorientasikan hasil terbaik.

“Sebagai penaja anugerah ini, kami di PressReader sering terpesona dengan kreativiti perpustakaan dan pasukan pemasaran mereka, dan saya yakin tahun ini mereka akan teruskan usaha itu,” kata James Fairbotham, selaku Pengurus Kanan Kawasan. “Walaupun perpustakaan sering menghadapi kekangan belanjawan — apatah lagi dengan pelbagai cabaran pada dua tahun sebelumnya — perpustakaan konsisten membuktikan mereka tidak ketandusan kaedah kreatif untuk memberikan perkhidmatan kepada komuniti setempat dan sekaligus mempromosikan perkhidmatan mereka.”

Tiga finalis akan dipilih berdasarkan kepada sumbangan inovatif dalam memasarkan perkhidmatan perpustakaan. Perpustakaan pemenang akan menerima dana yang merangkumi tambang penerbangan, penginapan dan yuran pendaftaran bagi menghadiri Kongres Perpustakaan dan Maklumat Dunia IFLA di Rotterdam, Netherlands pada Ogos 2023. Tempat pertama akan menerima €3,000, kedua €2,000, dan ketiga €1,500. Anugerah ini juga akan mengiktiraf 10 penyertaan teratas melalui pemberian sijil penghargaan dan langganan akaun premium PressReader.

“Sejak permulaannya, anugerah ini telah mengiktiraf dan akan terus mengiktiraf kempen pemasaran yang memberi inspirasi dan berinovasi dari seluruh dunia — di mana impaknya melangkaui dunia perpustakaan. Kami sangat menantikan penyertaan semua bagi tahun ini,” kata Pengerusi Pengurusan dan Pemasaran IFLA, Anya Feltreuter.

Penyertaan akan dibuka sehingga 20 Januari 2023 melalui iflapressreader2023.org, di mana anda juga boleh memperoleh maklumat dan kriteria yang diperlukan bagi menyertai anugerah ini.

Sebarang pertanyaan? Sila hubungi Elena Stöhr, Pengerusi Kumpulan Kerja Juri Anugerah (Pengurusan dan Pemasaran IFLA) di e.stoehr@tu-berlin.de.

[###](#)

Tentang PressReader

PressReader adalah platform akhbar dan majalah terbesar di dunia di mana para pengguna boleh melayari isi kandungannya yang relevan dan dipercayai dari serata dunia seperti *The Economist*, *Bloomberg Businessweek*, *The Wall Street Journal*, *La Vanguardia*, *The Washington Post*, *Los Angeles Times*, *The Globe and Mail*, *The Guardian*, *Newsweek*, *Forbes*, *Le Figaro*, dan *Vanity Fair*, sekadar menyebut beberapa contoh.

Melalui telefon, tablet atau komputer, para pembaca boleh [melayari kandungan dalam talian](#) atau memuat turun edisi *offline* menggunakan perisian [PressReader](#). Para pengguna boleh melanggan bagi mendapatkan akses tanpa had atau memperoleh pengalaman ini melalui tajaan salah satu rakan kongsi jenamanya. Syarikat perniagaan yang memanfaatkan

kandungan premium untuk meningkatkan pengalaman menarik kepada pengguna — nama yang tidak asing lagi ialah seperti JetBlue, Alaska Airlines, Air Canada, Marriott, Fairmont Hotels, Crystal Cruises, Seabourn Cruise Line, MIT Libraries, Library of Congress, Yale University dan New York Public Library.

Tentang PressReader Limited

PressReader Limited (“Syarikat”) merupakan kumpulan syarikat teknologi yang mempunyai misi memberi perubahan baharu dalam dunia pembacaan dan pembelajaran di era digital. Syarikat ini turut membina sebuah platform sehenti yang menumpukan kepada data dan pengalaman untuk memperkasakan pencipta kandungan, pembaca dan rakan kongsi perniagaan dalam setiap langkah penciptaan kandungan, pengedaran, penggunaan maklumat dan penglibatan jenama.

Syarikat ini turut bekerjasama dengan lebih daripada 14,000 akhbar, majalah dan penerbitan pendidikan serta berkolaborasi dengan rakan kongsi perniagaan global dari 150 buah negara bagi menghubungkan para pembaca dari seluruh dunia melalui kandungan yang berkualiti. Platform pembacaan dalam talian [PressReader](#), adalah himpunan surat khabar digital terbesar di dunia dengan menawarkan lebih daripada 7,000 akhbar dan majalah dalam 64 bahasa dari lebih daripada 120 negara.

Diasaskan pada tahun 1999 di Vancouver (Canada), syarikat ini telah berkembang dan mempunyai lebih 500 orang pekerja di serata dunia serta mempunyai pejabat antrabangsanya di Dublin (Ireland), Manila (Filipina) dan Phoenix (USA).

Pegawai Perhubungan Media

Eva Wu
evaw@pressreader.com
+1 778 238 3594